



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 04/2025



NOKTAHKAN BULI

11 APRIL 2025 | 12 SYAWAL 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ :

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيْرِ مَا أَكْتَسَبُوا فَقَدِ احْتَمَلُوا بُهْتَانًا

وَإِنَّمَا مُّبِينًا ﴿٥٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهِ ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Seperitimana kita sedia maklum, buli merupakan satu situasi yang membimbangkan dalam kalangan masyarakat di negara kita pada masa kini. Buli merujuk kepada perbuatan oleh seseorang atau beberapa orang yang



menggunakan kekuatan atau kekerasan untuk menakutkan, mengganggu, menghina atau menyakitkan orang lain melalui pelbagai kaedah, sama ada secara fizikal, mental atau emosi yang mengakibatkan kecederaan fizikal atau gangguan emosi kepada mangsa. Jenis salah laku buli boleh berlaku dalam kalangan orang dewasa dan kanak-kanak sama ada berbentuk fizikal, lisan, bukan lisan dan buli siber.

Dalam konteks buli dalam kalangan kanak-kanak dan remaja, laporan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tahun 2023 menyatakan Malaysia menduduki tangga kelima di dunia, dan kedua di Asia dalam kes buli siber. Akhbar Berita Harian bertarikh 22 Mac 2024 melaporkan kes kematian seorang murid di sebuah kolej akibat dibuli oleh 13 orang rakan mangsa. Walaupun Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman mati pada Julai 2024 terhadap enam orang pembuli di sebuah universiti awam, kes buli masih lagi berlaku seperti tidak berkesudahan.

Kita perlu sedar bahawa sekecil-kecil perkara pun akan dibawa ke perbicaraan mahkamah teragung di hadapan Allah Taala, sebagaimana firman Allah Taala dalam surah al-Kahfi ayat 49:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَرُوضَ الْكِتَبُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَوْمَئِنَا مَا إِلَّا
هَذَا الْكِتَبُ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَسَهَا وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا
وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا ﴿٤٩﴾

Yang bermaksud: “Dan “Kitab-kitab Amal” juga tetap akan dibentangkan, maka engkau akan melihat orang yang berdosa itu, merasa takut akan apa yang tersurat di dalamnya; dan mereka akan berkata:” Aduhai



celaknya kami, mengapa kitab ini demikian keadaannya? Ia tidak meninggalkan yang kecil atau yang besar, melainkan semua dihitungnya!" Dan mereka dapati segala yang mereka kerjakan itu sedia (tertulis di dalamnya); dan (ingatlah) Tuhanmu tidak berlaku zalim kepada seseorang pun. "

Sidang Jumaat yang dikasih

Mengapakah semua ini terjadi?

Pertama, kelemahan institusi kekeluargaan. Pengabaian didikan ibu bapa dan kurang kasih sayang, kehancuran rumah tangga, dan anak-anak terbiar menyebabkan anak menjadi pembuli.

Kedua, pengaruh luar samada rakan sebaya atau media sosial. Selain daripada pengaruh rakan sebaya, keganasan, keluahan dan ejekan terhadap fizikal seseorang yang menjadi paparan utama media sosial menormalisasikan gejala buli dan perkara ini terdedah kepada lebih 28 juta rakyat Malaysia yang melayari media sosial.

Ketiga, sikap individu yang mementingkan diri. Sifat ego, panas baran, merasa hebat, sering mengejek, memandang rendah dan kurang sifat belas kasihan mendorong kepada berlakunya kesbuli dalam kalangan masyarakat.

Perbuatan buli ini memberi kesan yang amat besar pada diri mangsa, pembuli dan keluarga. Mangsa buli akan mengalami tekanan dan gangguan emosi sepanjang hayat terutama apabila dibuli terhadap perasaan dan psikologi.

Bagi si pembuli pula, renungkanlah masa depan diri dan keluarga apabila dikenakan hukuman penjara mahupun sebatan yang boleh menjaskan maruah



dan masa depan mereka. Jangan kerana inginkan keseronokan dan penyelesaian sementara, menjadikan kehidupan kita sia-sia.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Untuk mengatasi gejala buli yang penuh kezaliman ini, Islam menggariskan beberapa penyelesaian.

Pertama, menyuburkan kasih sayang kepada anak-anak dengan memberikan didikan agama yang sempurna berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Kedua, menyediakan persekitaran yang baik untuk ahli keluarga membesar dan memberi asuhan terbaik kepada mereka sejak kecil lagi.

Ketiga, menjadi suri teladan kepada anak dengan menunjukkan akhlak yang mulia. Bak kata pepatah, “Bagaimana acuan, begitulah kuihnya.”

Keempat, mangsa buli dan saksi buli hendaklah melaporkan kepada ibu bapa, guru atau pihak berkuasa. Bertindaklah dengan sewajarnya dan jangan pendamkan kerana anda dilindungi undang-undang.

Kepada pembuli, berubahlah! Hentikanlah perbuatan buli dan bertaubatlah! Ingatlah akan sebuah hadis qudsi riwayat Imam Muslim yang bermaksud:

“Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Allah SWT berfirman: “Wahai hamba-Ku, sesungguhnya Aku telah mengharamkan kezaliman bagi diri-Ku dan Aku jadikannya haram antara kamu. Maka, janganlah kamu berlaku zalim sesama kamu”

Oleh itu setiap anggota masyarakat hendaklah memastikan diri dan ahli keluarga tidak terlibat sebagai pembuli atau mangsa. Kenal pasti perubahan sikap, tingkah laku dan gaya hidup ahli keluarga. Seandainya berlaku kemurungan,



kesedihan yang berpanjangan, sikap memendam rasa yang mencurigakan, atau bertingkah laku agresif, besar kemungkinan mereka terlibat dengan kes buli. Dekatilah dan selamilah jiwa agar mereka tidak merasa bersendirian sebagaimana hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim yang bermaksud:

“Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga dia menyukai saudaranya memperoleh apa-apa (kebaikan) yang dia sukakan untuk dirinya sendiri.”

Muslimin yang dirahmati Allah Taala,

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati beberapa pengajaran khutbah ini:

Pertama, buli merupakan perbuatan dosa dan satu jenayah yang perlu dijauhi.

Kedua, individu, ibu bapa dan guru perlu bersama-sama berganding bahu membina generasi penyayang dan berakhlak mulia.

Ketiga, masyarakat perlu menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa untuk melaporkan sebarang kejadian buli yang terjadi.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِرَ بِأَيَّتِ رَبِّهِ ثُمَّ أَعْرَضَ عَنْهَا إِنَّا مِنَ
الْمُجْرِمِينَ مُنْتَقِمُونَ ﴿٢٢﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.